

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Saturday, November 18, 2017 4:27 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: UUM Bakal Wujudkan Kursi Profesor Sultan Abdul Halim



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



18 NOVEMBER 2017 / 29 SAFAR 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM BAKAL WUJUDKAN KURSI PROFESOR SULTAN ABDUL HALIM



UUM ONLINE: Mengenang jasa dan sumbangan Almarhum Tuanku Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah yang menaungi universiti ini sejak 1984, UUM akan mewujudkan Kursi Profesor Sultan Abdul Halim.

Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, kursi tersebut akan diletakkan di bawah Pusat Pengajian Tunku Intan Safinaz (TISSA-UUM) bagi membangunkan bidang penyelidikan dan memacu penerokaan ilmu dalam bidang 'governance' atau tadbir urus.

"Sebagai dana permulaan, Tunku Temenggong Kedah yang juga Pro-Canselor UUM, Yang Teramat Mulia Dato' Seri DiRaja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah telah mengambil inisiatif menghulurkan sumbangan peribadi sebanyak RM2 juta.

"Penubuhan kursi ini adalah tanda penghargaan di atas jasa dan budi baik Almarhum dengan penuh kasih sayang menatang UUM bagai minyak yang penuh dan diharap pewujudan kursi ini kekal terpahat di persada ilmu di UUM," katanya pada Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Konvokesyen Ke-30 UUM di Dewan Mu'adzam Shah, hari ini.

Naib Canselor berkata, mengurus sebuah institusi pendidikan dalam era Revolusi Industri Ke-4 (IR4.0) yang mencabar memaksa universiti untuk terus bersaing dalam apa jua keadaan, malah hasilnya dapat dilihat dari segi jumlah graduan dan dari segi Laporan Kajian Pengesanan Siswazah menunjukkan bahawa daripada 5,935 siswazah, 78.5 peratus graduan berjaya mendapat pekerjaan bagi tempoh enam bulan pertama.

Menurutnya, angka itu boleh melepasi sasaran 80 peratus yang ditetapkan Kementerian Pendidikan Tinggi dalam minggu ini, seterusnya menunjukkan bahawa tahap kebolehpasaran graduan UUM amat memberangsangkan.

Ujar beliau, dengan kerjasama dan sokongan semua kakitangan UUM, pelajar, ibu bapa dan alumni akan membantu usaha UUM mencapai visi dan misi universiti menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka, seterusnya cemerlang mendidik anak bangsa dan mewariskan kegemilangan kepada generasi akan datang.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.